

Presiden, CEO MSM meninggal dunia

15 April 2016 1:23 AM

[Share](#) 3 [Tweet](#) 0 [Google +](#) 0

KUALA LUMPUR 14 April – Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO) MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, 56, meninggal dunia di Hospital Pantai di sini hari ini.



Sheikh Awab Sheikh Abod

Menurut kenyataan syarikat itu, Allahyarham menghembuskan nafas terakhir di samping keluarganya pada pukul 1.40 petang ini.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara selepas solat asar.

Difahamkan, Allahyarham dimasukkan ke hospital berkenaan sejak Isnin lalu, namun punca beliau dimasukkan ke hospital tidak didedahkan.

“Syarikat melahirkan rasa sedih dan mengucapkan takziah di atas pemergian Allahyarham. Ahli Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan penghargaan di atas kesungguhan sumbangan Allahyarham kepada syarikat,” jelas syarikat itu dalam kenyataan di sini hari ini.

Allahyarham sebelum ini menjawat beberapa jawatan penting di beberapa syarikat antaranya Pemangku CEO Malaysian International Merchant Bank dari 2003 hingga 2004, Presiden dan CEO Affin Investment Bank dari 2005 hingga 2007 dan Pengerusi PECD Bhd. dari 2007 hingga 2010.

Selain itu, Allahyarham juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan dan Ahli Lembaga Jawatankuasa Risiko Tadbir Urus Percetakan Nasional Malaysia Bhd. (PNMB), Pengerusi Axis Consultancy & Advisory Services Sdn. Bhd. sebelum menjadi Presiden dan CEO MSM pada 2016.

Sementara itu, syarikat induk MSM, Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), turut melahirkan rasa sedih ekoran berita kematian tersebut dan pada sama menghargai sumbangan Allahyarham kepada syarikat berkenaan.

Presiden dan CEO Kumpulan FGV, Datuk Zakaria Arshad dalam kenyataan ringkasnya berkata, Allahyarham merupakan pemimpin yang berintegriti, berdedikasi terhadap tugas dan membuatkan tempatnya sukar untuk dicari ganti.

Pada 1 Mac lalu, Allahyarham menerima Anugerah Personaliti Terbaik sempena majlis Utusan Business Awards 2015.

Kuala Lumpur



Subuh 5:55
Zohor 1:15
Asar 4:25
Maghrib 7:25
Isyak 8:35

→ 300px

**RUANG IKLAN
UNTUK DISEWA**

www.utusan.com.my/Jom_Iklan

popular



**Pekeliling ta
baik 252 skin
perkhidmata
awam diedar 14 April**



**Staf Rayani A
berang, dakw
disabotaj**



**Mahu mati d
pangkuan su**



**Program
memalukan**



**Rakyat Mala
miliki kelab**



**SEPERTI ibu b
yang lain, Erra
Fazira dan En
Emran berganding bahu
memeriahkan majlis**